

# Bahasa kolokial, etnik perlu dipertahankan

Julai 13, 2023 @ 3:31pm



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. - Foto arkib NSTP

KUANTAN: Bahasa kolokial iaitu bahasa yang bersifat percakapan atau basahan (bukan bahasa baku) dan bahasa etnik adalah khazanah negara yang perlu terus dipelihara dan dimartabatkan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata bahasa berkenaan adalah sebahagian daripada seni dan budaya pelbagai masyarakat Malaysia yang penggunaannya melambangkan jati diri selain perpaduan.

"Cabaran kita adalah bahasa seperti ini tidak mungkin digunakan ramai golongan muda kerana banyak menggunakan bahasa rojak...ini yang menjadi cabaran dan kita mahu selamatkan bahasa seperti ini sebagai warisan kita," katanya.

Aaron berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti yang bertemakan 'Menghilir Sungai Pahang' di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Arkib Negara Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman.

Tambah Aaron, Arkib Negara memainkan peranan penting sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa, selain perlu bertindak mengesan dan mengetengahkan ahli akademik atau individu yang aktif memperjuangkan bahasa kolokial dan bahasa etnik.

Beliau berharap lebih banyak pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) untuk tampil bekerjasama dan menyokong usaha Arkib Negara, yang berperanan sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa. – BERNAMA